

Ruj. Kami : PMS/UP/626-3 Jld. 4 (1)

Tarikh : 22 Februari 2008

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/ Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 2/2008**

TEMPOH PEMBAYARAN DIBAWAH A.P.58

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pemerhatian Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati masih banyak Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengambil sikap tidak serius terhadap pematuhan tatacara kewangan dalam pengurusan perbelanjaan dan pembayaran sehingga menjadikan A.P. 58 sebagai amalan bagi menjelaskan tunggakan bayaran bil dan tuntutan keatas bekalan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh pembekal dan kontraktor.

3. Pemerhatian PMS juga mendapati ada permohonan bagi mendapatkan kelulusan pembayaran dibawah A.P. 58 dikemukakan hanya selepas separuh tahun kedua tahun kewangan semasa. Keadaan sebegini tidak sewajarnya berlaku sekiranya

peraturan kewangan termasuk prinsip pembayaran dibawah A.P. 58 itu difahami dan dipatuhi secara bertanggungjawab. Malahan A.P.103 telah menetapkan supaya semua bil dan tuntutan dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima.

4. Justeru berkuatkuasa mulai dari tarikh surat edaran ini, semua Ketua PTJ adalah diminta menyelesaikan, jika ada, pembayaran di bawah A.P. 58 dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tahun kewangan yang lama ditutup. Ini bermakna mana-mana permohonan untuk kelulusan dibawah pembayaran A.P. 58 yang diterima selepas 30 April tidak akan diberikan pertimbangan dan PMS tidak akan teragak-agak untuk mengesyorkan pembayaran dibawah A.P. 59 atau mengenakan tindakan surcaj.

5. Sehubungan ini, kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara ini amatlah diharapkan dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(MOHD. RANI BIN SAUD)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah